

17 NOV 1998

APEC-BERITA-ABAC/I

MAHATHIR GESA USAHA BERTERUSAN UTK BINA SEMULA EKONOMI ASIA

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa sektor swasta di lingkungan Pasifik untuk meneruskan usaha-usaha mereka dalam membina semula ekonomi-ekonomi yang terjejas oleh krisis kewangan agar mereka boleh mempamerkan pemulihan awal.

Dalam kenyataan awalnya sebelum taklimat oleh Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) di sini, hari ini kepada 21 ketua-ketua ekonomi Apec, beliau berkata ia adalah penting untuk mengekalkan pertumbuhan di rantau ini.

-- BERNAMA